

Oleh Helmy Abd Rahman
helmy_rahman@hmetro.com.my
Kuala Nerus

FENOMENA AIR PASANG BESAR

Getar hati benar belaka

■ Dapur musnah dibadai ombak

“November lalu saya buat permohonan kepada Pejabat Pembangunan Kuala Nerus supaya menyediakan benteng penahan ombak dekat rumah saya tetapi mereka maklumkan tiada peruntukan.

“Malam ini (kelmarin), apa yang saya bimbangkan benar-benar berlaku,” kata Abdullah Mat Isa, 52, dari Kampung Tanjung Gelam, di sini.

Dalam kejadian jam 10 malam itu, Abdullah bersama isterinya, Hani Awi, 44, dan anak tunggal mereka, Nor Hidayah Abdullah, 18, berpindah selepas dapur kediaman mereka musnah dibadai ombak yang turut menghanyutkan sebahagian kayu rumah ke laut.

Difahamkan, fenomena air pasang besar disertai angin kencang sejak petang kelmarin menyebabkan berlakunya ombak besar di kawasan pesisir pantai berkenaan.

Abdullah berkata, itu menyedari air pasang ter dari pantai jam 6 petang,

menghampiri kawasan rumah kayunya “Sekitar jam 8 malam, ombak besar disertai angin kencang mula membadai rumah

kami. Saya menyuruh isteri dan anak mengemas barangan untuk berpindah ke rumah keluarga berhampiran,” katanya.

“Pada jam 10 malam, saya terdengar bunyi kuat dan apabila diperiksa, saya mendapati bahagian dapur rumah sudah musnah dibadai ombak,” katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, kejadian berkenaan menyebabkannya mengambil keputusan untuk tidak lagi tinggal di rumah pusaka peninggalan ibu mentuanya yang berusia 40 tahun itu.

“Saya tidak berani tinggal di sini lagi dan bercadang tinggal di rumah pusaka keluarga di Kampung Padang Kemunting, Batu Rakit,” ka-

tananya sebagai tukang ke- bun di sebuah institusi kemahiran, di sini.

Sementara itu, Komander Operasi Bomba Balai Bomba Kuala Nerus Mohd Pauzi Muda berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian jam 10.32 malam.

“Lebih 20 anggota dari Balai Bomba Kuala Nerus dan Kuala Terengganu serta bomba sukarela, selain JPAM (Jabatan Pertahanan Awam Malaysia) bergegas ke tempat kejadian untuk mem-

ban- tu mangsa yang terjejas,” katanya.

Anggota penyelamat akan berkampung di sini selama 24 jam bagi memantau keadaan dari semasa ke semasa dan akan memberi bantuan segera kepada penduduk yang terjejas.

“Kami juga ingin menasihatkan kepada 15 keluarga lagi yang tinggal di sepanjang lima kilometer di pantai ini supaya segera berpindah bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini,” katanya yang mengetuai operasi berkenaan.

FAKTA
Air pasang besar disertai angin kencang sebabkan berlakunya ombak besar di kawasan pesisir pantai

ABDULLAH melihat bahagian belakang rumahnya yang musnah dipukul ombak besar berikutan fenomena air pasang besar di Kampung Tanjung Gelam, Kuala Nerus. Gambar kecil, Laila membaiki pelepah kelapa yang dijadikan penghadang angin di belakang rumahnya di Kampung Rusila.



FIM
FOOD INSTITUTE of MALAYSIA

PENERAJU KURSUS SENI KULINARI, MAKANAN & HOSPITALITI

KEJAYAAN ANDA BERMULA DI SINI ...



- KURSUS-KURSUS DIPLOMA:**
- Diploma Pastru dan Bakeri
 - Diploma Pengurusan Perhotelan